

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang lama akan dijangka dibaik pulih dengan sempurna dan boleh digunakan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengambil maklum mengenai isu-isu kerosakan kritikal yang berlaku dibangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang. Berikutan itu, permohonan bagi Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Pemuliharaan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah diangkat untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi mendapatkan peruntukan tersebut dalam tahun 2019. Projek bertaraf warisan ini dijangka bermula pada bulan Januari 2019 dan siap dalam tempoh dua tahun.

Sekian, terima kasih.